



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

KENYATAAN MEDIA

PERANAN JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT DALAM PENGURUSAN BENCANA BANJIR

Kenyataan ini adalah berhubung isu yang tular di laman media sosial berkenaan tuduhan kepada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat yang tidak menghantar makanan kepada mangsa banjir di rumah. Untuk makluman, berdasarkan ARAHAN NO 20 MAJLIS KESELAMATAN NEGARA (MKN 20), peranan dan tanggungjawab JKM dalam pengurusan bencana adalah seperti berikut:-

- i) Menyedia dan menyelenggara pusat-pusat pemindahan sementara untuk mangsa bencana;
- ii) Menyedia dan mengedarkan bantuan makanan, pakaian dan keperluan asas kepada mangsa bencana di Pusat Pemindahan Sementara;
- iii) Pendaftaran mangsa bencana bagi maksud pemulihan; dan
- iv) Bimbingan dan nasihat / kaunseling kepada mangsa bencana

Di samping itu, JKM juga telah membangunkan Sistem Infobencana JKM 2.0 yang menyediakan data statistik mangsa bencana yang berpindah ke Pusat Pemindahan Sementara di seluruh Negara. Maklumat ini dikemaskinikan

setiap 4 jam sekali dan boleh diakses melalui web dan aplikasi mobile. Antara modul yang terdapat di dalam system ini ialah :

- Modul Pendaftaran Mangsa
- Modul Pengurusan Stor
- Modul Bantuan Pemulihan

Orang ramai boleh memuat turun Aplikasi InfoBencana JKM 2.0 melalui *Apps Store* dan *Play Store* bagi mendapatkan maklumat terkini mengenai Pusat Pemindahan Sementara. Selain itu, orang ramai juga boleh menghubungi Talian Kasih 15999 yang beroperasi 24 jam dan Bilik Gerakan JKM yang boleh dilayari di portal www.jkm.gov.my.

###

Disediakan oleh:

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat

No.55, Persiaran Perdana Presint 4, 62100 Putrajaya, MALAYSIA

Tel : 03-83231088